

**Dakwaan rogol Penan: Polis soal MP Ampang**  
**Malaysiakini.com**  
**July 19, 2010**

Keterangan ahli parlimen Ampang Zuraida Kamaruddin akan dirakamkan oleh polis Kuching pada Jumaat ini berhubung dakwaan pemerkosaan gadis-gadis Penan.

"Saya gembira untuk beri keterangan kerana polis akhirnya memberi saya peluang memberi butiran bagi membuktikan dakwaan berkenaan," kata Zuraida yang akan berlepas ke Sarawak.

"Saya tidak faham mengapa pada September tahun lalu, saya tidak dapat membuat laporan dengan polis, Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan timbalan ketua menteri, Alfred Jabu."

Pada 13 Julai lalu, polis memanggil beberapa individu bagi membantu siasatan berhubung laporan yang berjudul 'A wider context of sexual exploitation of Penan women and girls in Middle and Ulu Bernam, Sarawak', yang diedarkan oleh Kumpulan Penyokong Penan (PSG).

Menurut PSG, wanita Penan secara sistematik diperkosa pembalok di Baram dan ia masih berterusan meskipun dinafikan oleh kerajaan negeri Sarawak dan polis pula didakwa gagal bertindak.

Dalam laporan itu, PSG melawat Long Lamam, Long Ajeng and Long Mobui, selama seminggu pada November lalu dan mendengar rintihan daripada masyarakat Penan yang terdiri daripada 13 komuniti yang berhimpun dari sekitar Baram.

Ketika itu, mereka mendengar pendedahan daripada tujuh mangsa yang mendakwa diperkosa oleh pembalok.

Zuraida, yang juga adalah ketua wanita PKR memfailkan usul tergepar bagi membahaskan isu itu di Dewan Rakyat tetapi ia ditolak.

Timbalan Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Heng Sei Kie juga menafikan laporan terbaru itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dijadual melawat dan menemui masyarakat Penan di kawasan Ulu Baram di Bahagian Miri pada 22 Julai ini

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137768>